

MEI
2021

Aspirasi
Kegemilangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pkn.gov.my



Tahniah

KEPADA

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PAHANG
DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

atas

GENAPNYA 3 TAHUN DILANTIK SEBAGAI
YAB. MENTERI BESAR PAHANG

PADA

15 MEI 2021

Ahli Perbadanan, Pengurusan dan seluruh Warga Pekerja PKNP merakamkan ucapan tahniah kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail di atas genapnya 3 tahun dilantik sebagai Menteri Besar Pahang.

SELAMAT HARI PEKERJA 2021

Kuantan, 1 Mei - Hari Pekerja di Malaysia bermula sebagai cuti umum apabila bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman mengumumkan 1 Mei sebagai hari kelepasan am bagi pekerja di Malaysia pada tahun 1972.

Pengumuman ini adalah satu sejarah penting kerana ini merupakan satu manifestasi bahawa Malaysia mengiktiraf Hari Pekerja yang diluluskan oleh Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Selamat menyambut Hari Pekerja dari Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan & Warga Kerja PKNP.



1 MEI 2021

*Pembudayaan Norma Baharu
Dalam Dunia Pekerjaan Sejagat*



HARI HOL PAHANG

SEMPENA

GENAP DUA TAHUN KEMANGKATAN

AL-MARHUM KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR RI'AYATUDDIN
AL-MU'ADZAM SHAH



"Ya Allah Cucurilah Rahmat Ke Atas Roh Baginda"
29 RAMADAN 1441 HIJRAH / 22 MEI 2020



UCAPAN SELAMAT HARI RAYA DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP

Assalamualaikum W.B.T.

Saya Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat islam di seluruh Malaysia.

Di kesempatan ini, saya memohon kemaafan andai ada khilaf dalam tutur bicara mahupun perbuatan saya yang tidak disengajakan.

Saya juga ingin berpesan-pesan supaya kita semua terus mematuhi SOP bagi mengekang penularan wabak Covid - 19.

Walaupun aktiviti kunjung-mengunjung tidak dibenarkan pada tahun ini, semangat menyambut Hari Raya Aidilfitri harus tidak luntur.

Ramadan kini berlalu pergi,
Hati terasa hiba sekali,
Syawal menjelma sama dirai,
Dengan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Maaf Zahir dan Batin.



PENYEWA KOMPLEKS TERUNTUM TERUJA TERIMA SUMBANGAN RAYA PKNP

Kuantan, 7 Mei - Seramai 23 penyewa lot-lot podium dan Menara Teruntum menerima sumbangan kuih raya pada 7 Mei 2021 yang lalu bersempena Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba. Program tahunan ini adalah bertujuan untuk mengekalkan hubungan baik antara PKNP dan para penyewa.

Sumbangan raya ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun dan disampaikan oleh Pengurus Pemasaran dan Pengurusan Harta, Puan Suliyati binti Abdul Rahman serta Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim.

Sebarang pertanyaan berkenaan lot-lot kosong di Kompleks Teruntum boleh hubungi Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta PKNP di talian 095658 585.



Sumbangan diterima oleh wakil Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)



Sumbangan diberikan kepada Pengurus Badan Pengurusan Bersama Kompleks Teruntum, Encik Aidy Akmal.



Sumbangan kepada Koperasi Kakitangan Kumpulan PKNP

PENG GAMBARAN VIDEO RAYA SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1442 HIJRAH

Kuantan, 23 Mac – Penggambaran video raya PKNP telah diadakan di Dewan Seminar, Kompleks Teruntum, Kuantan melibatkan semua bahagian dan unit di PKNP. Penggambaran ini telah diselenggarakan oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP.



Barisan Pengurusan Tertinggi PKNP bersama anggota kerja Bahagian Pejabat Ketua Eksekutif

MAJLIS KHATAM AL – QURAN SEMPENA BULAN RAMADAN 2021



Majlis Khatam Al – Quran dihadiri kira - kira 40 orang anggota kerja PKNP

Kuantan, 6 Mei - Majlis Khatam Al – Quran oleh PUSPANITA PKNP dan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah diadakan pada 6 Mei 2021 (24 Ramadan 1442H) pada jam 12.00 tengah hari hingga ke 1 petang di Dewan Seminar EDC, Kompleks Teruntum.

Program sempena bulan Ramadan ini adalah penutup dan satu kesinambungan kepada Majlis Tadarus yang diadakan sepanjang bulan Ramadan 1442H. Majlis ini telah dipimpin oleh Imam Masjid Al – Hidayah Paya Besar, Kuantan iaitu Ustaz Mohd Said bin Kasim. Turut hadir adalah Pengerusi PUSPANITA PKNP iaitu Puan Zuhaira binti Zainordin.

PENUTUPAN KAUNTER PKNP BERMULA 24 MEI 2021 SEHINGGA 8 JUN 2021

Kuantan, 22 Mei - Merujuk kepada arahan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah Kuantan bermula 24 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021. Dimaklumkan bahawa bermula 24 Mei 2021 (Isnin), operasi kaunter di Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) akan ditutup.

Operasi kaunter dijangka akan dibuka semula pada 8 Jun 2021 (Selasa) atau sehingga satu tarikh yang diumumkan oleh Kerajaan. Sebarang urusan pembayaran oleh para pelanggan PKNP masih boleh dilaksanakan secara atas talian melalui platform SnapNPAY, MyBSN Internet Banking dan JOMPAY (biller code : 71696)



SnapNPAY



MyBSN
Internet Banking



JOMPAY
biller code : 71696

SELAMAT MENYAMBU

Hari Wesak



Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Warga Kerja PKNP ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada penganut agama Hindu dan Buddha di Malaysia.

TAWARAN ISTIMEWA

TAMAN SAUJANA UTAMA @ JERANTUT

- ✓ Sedia Untuk Didiami !
- ✓ Percuma Yuran Guaman !
- ✓ 5% Diskaun untuk Bumiputera

SEHINGGA

RM7K

REBAT TUNAI

KUNJUNGI RUMAH CONTOH KAMI :

NO. RUMAH : NO. 2, LORONG SU 1/7

(Jumaat - Ahad | 8 pagi - 5 petang)

**Kedai Pejabat
2 & 3 Tingkat**

**Rumah Berkembar
1 Tingkat
(Jenis A & B)**

**Rumah Teres
1 Tingkat**



LUAS LOT : 20' x 70'
LUAS BANGUNAN : 20' x 70'

HARGA DARI
RM685,000

LUAS LOT : 36' x 80' (A) & 38' x 75' (B)
LUAS BANGUNAN : 25' x 40'

HARGA DARI
**RM320,888 (A)
RM318,888 (B)**

LUAS LOT : 20' x 70'
LUAS BANGUNAN : 20' x 43'

HARGA DARI
RM240,888

HARGA YANG DINYATAKAN ADALAH SEBELUM DISKAUN



Penggambaran Video Raya **PKNP**



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

JURUFOTO
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman